

# **MPU 13012**

# **PENDIDIKAN ISLAM**



# **HPK 1**

Menunjukkan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan seharian seorang muslim. ( A1 , CLS 3d )

## **PENILAIAN**

- ❖ E-Folio (30%)
- ❖ Tunjuk Cara (20%)

# **TOPIK 1: KONSEP ASAS ISLAM**

- 1.1 Menghuraikan konsep-konsep asas Islam
- 1.2 Menghuraikan konsep Akidah Islamiyah

# 1.1 MENGHURAIKAN KONSEP AKIDAH ISLAMIYAH

## Apa Yang Kamu Faham Tentang Islam?????

Adakah Islam itu cukup dengan **mengucap dua kalimah syahadah** ???




Adakah Islam itu **solat** semata-mata???

atau **puasa** sahaja???



atau sekadar dengan mengeluarkan  
**zakat** sahaja???



ataupun hanya cukup dengan  
menunaikan **haji** ke Mekah????

adakah semuanya benar-benar tamat  
dengan **berakhirnya hayat kita???**



.....Islam bukan sekadar itu sahaja....  
Nak tau lebih lanjut tentang Islam???



# Tasawwur Islam

Tasawwur bermaksud suatu **gambaran** atau **tanggapan akal** atau **pemikiran seseorang terhadap sesuatu perkara**. Perkataan ini berasal dari kalimah Arab yang memberi beberapa maksud;

- i. Suatu tanggapan terhadap rupa sesuatu yang dapat dikhayalkan.
- ii. Cuba memberi gambaran terhadap sesuatu.
- iii. Memberi gambaran yang sebenar terhadap sesuatu



Oleh itu, Tasawwur Islam bermaksud memberi gambaran tentang maksud Islam yang sebenar dan hakiki.

# Kepentingan mempelajari ilmu Tasawwur

Dapat meningkatkan iman terhadap Allah SWT

Sentiasa menjaga hubungan dengan Allah, manusia dan makhluk lain

Meyakini bahawa Islam adalah agama yang terbaik dan mampu menyelesaikan semua masalah yang dihadapi oleh manusia

Yakin dengan segala aturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT

Hati sentiasa tenang dan patuh dengan suruhan Allah SWT serta meninggalkan laranganNya

# Ciri-ciri Kesempurnaan Islam

1. Rabaniyyah (Ketuhanan)
2. Syumuliyyah (Menyeluruh)
3. Waqiiyyah (Realiti)
4. Alamiyyah (Universal)
5. Murunah (Anjal)
6. Tawazzun dan wasatiyyah  
(seimbang dan sederhana)




# Rabaniyyah

Rabbaniyyah bermaksud semua hukum, konsep, prinsip , nilai dan peraturan Islam adalah secara mutlak daripada Allah SWT

يَتَأْمِنُ الْأَنَاسُ أَذْكُرُ وَأَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ هَلْ مِنْ خَلِيقٍ غَيْرُ اللَّهِ يَرْزُقُكُمْ مِنْ  
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَأَفَلَا يُؤْفَكُونَ

“Wahai manusia, ingatlah akan nikmat Allah S.W.T. kepadamu. Adakah Pencipta selain Allah S.W.T. yang dapat memberikan rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Tidak ada Tuhan selain dia; Maka Mengapakah kamu berpaling (dari ketauhidan)?” (*al-Fathir*, 35: 3)



# Prinsip-prinsip Rabbaniyyah

Islam adalah agama yang diwahyukan oleh Allah SWT


Islam adalah bersih dan terhindar dari kekurangan

Seluruh alam dan isinya adalah hak milik Allah SWT

Allah SWT adalah pencipta kepada peraturan hidup

# Syumuliyyah

Maksudnya ajaran Islam adalah sempurna dan menyeluruh dalam semua aspek kehidupan manusia



الْيَوْمَ أَكَمَتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمْ  
الْإِسْلَامَ دِينًا

“Pada hari ini Aku sempurnakan kepada kamu agamamu dan Aku lengkapkan kepada kamu nikmatKu dan Aku redha Islam itu sebagai agamamu.” (al-Ma’idah, 5:3)

# Prinsip-prinsip Syumuliyyah

Meliputi senegap aspek kehidupan


Cara hidup Islam juga memenuhi segala kepentingan manusia: daruriyyat (keperluan, hajiyyat (kehendak) dan tafsiniyyat (keselesaan).

Mencakupi akidah, ibadah dan akhlak dan tidak memisahkan antara agama dengan kehidupan

Merangkumi hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia sesama makhluk lain

# Waqiiyyah

- Ajaran Islam bersifat praktikal dan boleh diamalkan dalam kehidupan manusia
  - Ajaran sesuai dengan fitrah semulajadi manusia



لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

“Allah tiada memberati seseorang itu, melainkan menurut kesanggupannya” (al-Baqarah, 2: 286)

# Prinsip-prinsip Waqiiyyah



# Alamiyyah

Alamiyyah bermaksud ajaran yang sesuai pada semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman



وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ


"Dan Kami tidak mengutus engkau (Muhammad) kecuali untuk membawa rahmat bagi seluruh alam." (al-Anbiya, 21:107)

# Prinsip-prinsip Alamiyyah



# Murunah

- Ajaran Islam boleh diperluaskan, berubah mengikut kesesuaian manusia tanpa mengubah prinsip asas yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan al-Hadis.
- Ajaran Islam boleh berubah mengikut kesesuaian hidup manusia tanpa merubah prinsip asalnya.



فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

“Oleh itu maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan, (sekali lagi ditegaskan); bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran, pasti disertai kemudahan”  
(al-Insyiraah, 95:5-6)

# Prinsip-prinsip Murunah

Islam agama yang mudah


Ajaran Islam dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan manusia

# Tawazzun dan wasatiyyah

- Sistem Islam ditegakkan atas dasar seimbang dan sederhana.
- Setiap satu bahagian dengan bahagian yang lain saling berkaitan

قُلْ أَدْعُوْا اللَّهَ أَوْ أَدْعُوْا الرَّحْمَنَ أَيَّاً مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْخَيْرُ وَلَا  
بَعْزٌ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتُ بِهَا وَأَبْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَيِّدًا

Katakanlah (wahai Muhammad): "Serulah nama " Allah" atau nama "Ar-Rahman", yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia". Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu." (Surah al-Isra': 110)



# Prinsip-prinsip Tawazzun dan Wasatiyyah

Islam melarang umatnya bertindak melampaui batas

Ajaran Islam mementingkan kehidupan dunia dan akhirat

Setiap perkara ada haknya masing-masing

Islam menyuruh umatnya bersederhana dalam semua perkara

# Islam, Iman dan Ihsan

## Islam

- Bahasa: taat, patuh, berserah diri, selamat dah sejahtera
- Syarak: tunduk dan patuh serta berserah diri kepada Allah dengan beriman dan mengamalkan ajarannya

## Iman

- Bahasa: membenarkan dengan hati
- Syarak: Membenarkan dalam hati, melafazkan dengan lidah dan mengamalkan dengan anggota tubuh badan.

## Ihsan

- Ihsan itu ialah bahawa kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya,tetapi jika kamu tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Dia melihat kamu

# Dalil Tentang Islam, Iman dan Ihsan


عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَيْضًا قَالَ : بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدٌ بَيَاضِ الْتَّيَابِ شَدِيدٌ سَوَادِ الشَّعْرِ , لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثْرُ السَّفَرِ وَ ثُمَّ أَنْطَلَقَ , فَلَبِثَتْ مَلِيّاً , ثُمَّ قَالَ : يَا عُمَرُ , أَتَدْرِي مَنْ السَّائِلُ ؟ قُلْتُ : اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ . قَالَ : فَإِنَّهُ جِبْرِيلٌ أَتَأْكُمْ يُعْلَمُكُمْ دِينَكُمْ

# Hubungan Antara Iman, Islam dan Ihsan

Ihsan (Akhlak) :  
Tingkah laku sehari-hari

Islam(Syariat): hukum,  
perintah, larangan Allah

Iman (Akidah): keimanan kepada  
perkara ghaib/ berdasarkan rukun iman



# Contohnya: Ibadah solat

Niat yang  
betul



Akhlik yang  
baik

Perbuatan solat yang  
sempurna dengan syarat sah  
dan rukunnya

# Sumber Hukum Islam

Al-Quran



Ia adalah kitab yang diturunkan ke atas Rasulullah Muhammad S.A.W, yang tertulis di dalam mushaf-mushaf, dinukilkan kepada kita daripada baginda secara mutawatir tanpa sebarang keraguan

Al-Sunnah



Apa-apa yang terbit daripada Nabi selain dari al-Quran dari segi perkataan, perbuatan, ataupun pengakuan.

Al-Ijma'



Kesepakatan para mujtahid dari kalangan umat islam pada suatu zaman tertentu terhadap suatu hukum syar'ie selepas kewafatan Nabi S.A.W

Al-Qiyas



Menghubungkan apa-apa yang tidak warid padanya nas atas hukumnya dengan apa-apa yang telah warid ke atasnya nas hukum disebabkan persamaan illah di antara keduanya

# 1.2 MENGHURAIKAN KONSEP AKIDAH ISLAMIYAH

1.2.1

**Menghuraikan pengertian akidah**

1.2.2

**Mengenalpasti ciri-ciri akidah yang sahih**

1.2.3

**Menghuraikan kepentingan mempelajari ilmu akidah**

1.2.4

**Mengenalpasti perkara-perkara yang memantapkan akidah**

1.2.5

**Menghuraikan perkara perkara yang merosakkan akidah**

## Pengertian Akidah

Akidah dari segi bahasa merupakan perkataan yang berasal dari bahasa arab (عَقْدٌ) yang bermakna ikatan kemas atau simpulan mati.

Dari segi istilah akidah Islam dapat ditakrifkan sebagai kepercayaan atau keimanan kepada hakikat dan nilai yang mutlak yang tetap dan kekal, yang pasti dan hakiki lagi suci seperti yang diwajibkan oleh Islam iaitu kepercayaan yang tersimpul dengan teguh dalam jiwa yang tidak mungkin terurai dalam apa juar keadaan dan suasana.



## Akidah Islamiyah

**Iman yang teguh kepada Allah,  
Malaikat, Kitab-kitab, Rasul, Hari  
Kiamat, Qada' dan Qadar serta  
perkara-perkara yang ghaib.**

**Menerima sepenuhnya perkara yang  
telah ditentukan oleh Allah S.W.T  
samada dari sudut hukum-hakam  
maupun ketaatan.**

# Ciri-Ciri Akidah Yang Sahih

A. Akidah yang sahih itu mestilah mengandungi ciri-ciri yang berikut:

i

Percaya kepada Allah, Malaikat-malaikat Nya, Rasul-rasulNya, Kitab-kitab Nya, Hari Akhirat, Qadha' dan Qadar yang menjadi rukun iman.

ii

Kepercayaan dan keyakinan itu mestilah bersumberkan Al-Quran, As-Sunnah, Ijmak dan Qias yang merupakan sumber utama agama Islam.

iii

Kepercayaan dan keyakinan itu mestilah berada dalam keadaan yang cukup teguh, bahkan ia tidak boleh menerima sebarang bentuk syak dan tidak mungkin digugat oleh sebarang kepercayaan lain sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Hujurat ayat 15:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ كُلُّذِينَ أَمْنَوْا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهُدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ١٥

iv

Kepercayaan dan keyakinan itu mestilah pula diikuti bersama dengan perkataan ataupun kepatuhan hati serta kemahuan untuk mempraktikkan segala hukum atau suruhan dengan penuh rasa rela tanpa sebarang bantahan.

## B. Ciri-Ciri Akidah Yang Salah (Fasad)

i

Akidah yang salah adalah sesuatu iktikad atau kepercayaan yang bercanggah dengan nas-nas syariah dari Al-Quran dan As-Sunnah.

ii

Akidah yang berpuncak dari akal pemikiran manusia semata-mata ataupun penyelewengan akidah yang sahih yang diselewengkan menurut akal fikiran dan hawa nafsu seperti mana yang berlaku dalam agama Yahudi, Nasrani, golongan tarikat yang menyeleweng, ahli falsafah, golongan batiniah, ajaran-ajaran sesat dan lain-lain lagi.

# Kepentingan Mempelajari Ilmu Akidah

- i. Untuk memperolehi keyakinan yang mantap tentang kewujudan Allah S.W.T dan kesempurnaan sifat-sifatNya berdasarkan dalil-dalil naqli dan aqli sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Ikhlas ayat 1-4:

- ## **ii. Dapat mengenal ajaran yang merosakkan Akidah.**

- iii. Supaya dapat merealisasikan keyakinan akidah yang kukuh dalam tindakan dan amalan setiap mukmin sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Ahzab ayat 36:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ الْخَيْرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ  
يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

٣٦

- iv. Melahirkan perasaan cinta dan takut akan Allah S.W.T serta melahirkan umat atau bangsa yang mulia.
- v. Akan mendapat keredhaan Allah S.W.T di dunia dan akhirat.

# Perkara-Perkara Yang Memantapkan Akidah

i

Sentiasa membaca dan memahami ayat-ayat suci Al-Quran dan Hadis.

ii

Menghadiri majlis-majlis ilmu seperti ceramah, forum untuk menambahkan ilmu Islam.

iii

Sentiasa berzikir kepada Allah S.W.T dan berselawat keatas Rasulullah S.A.W.

iv

**Melaksanakan Islam dalam segenap  
aspek kehidupan meliputi diri, keluarga  
dan masyarakat.**

v

**Berakh�ak dengan akhlak yang mulia  
(mahmudah) dan menjauhkan diri  
daripada akhlak yang keji (mazmumah).**

vi

**Istiqamah melakukan amalan-amalan  
fardu dan sunat.**

# Perkara-Perkara Yang Merosakkan Akidah

- ❖ Menyekutukan Allah.
- ❖ Melakukan amalan khurafat.
- ❖ Bergantung nasib pada makhluk.
- ❖ Mengkafirkan orang Islam yang telah nyata Islamnya.
- ❖ Tidak mengkufurkan orang kafir yang telah nyata kufurnya.
- ❖ Yakin dan percaya ideologi yang dibawa oleh manusia lebih baik daripada ajaran Islam.

- ❖ Mencaci Nabi dan Sunnahnya.
- ❖ Hukum Allah menjadi sendaan dan gurauan.
- ❖ Membantu orang kafir untuk merosakkan Islam.
- ❖ Beranggapan bahawa keluar daripada Islam tidak apa-apa.
- ❖ Menolak sebahagian daripada Al-Quran dan menerima sebahagian sahaja.

SEKIAN  
SELAMAT MAJU  
JAYA